

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK WILSON UGAK ANAK KUMBONG  
(HULU RAJANG)**

**TARIKH : 3 NOVEMBER 2021(RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI KANAN PERTAHANAN** menyatakan apakah inisiatif yang telah diambil oleh Kementerian bagi membantu pesara tentera khusus dari negeri Sarawak yang memerlukan bantuan kewangan bagi mendirikan rumah di atas tanah mereka sendiri.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Terlebih dahulu saya merakamkan ucapan terima kasih kepada YB Hulu Rajang yang begitu prihatin atas kebajikan kepada Veteran ATM khususnya mereka yang berada di negeri Sarawak.

Sebagai makluman Yang Berhormat, Kementerian Pertahanan telah menyediakan pelbagai bentuk kemudahan serta bantuan kepada anggota Veteran ATM yang berada dalam kesusahan dan memerlukan bantuan tidak mengira lokasi di mana jua mereka berada di negara ini.

Kementerian Pertahanan amat menitikberatkan aspek kebajikan terutama berkaitan perumahan kepada Veteran ATM. Sejajar dengan Pelan Strategik MINDEF (PSM) 2021 – 2025 iaitu di bawah Teras Strategik Transformasi Kesejahteraan Veteran ATM, Kementerian beriltizam untuk melaksanakan program baik pulih dan pembinaan rumah baharu bagi membantu Veteran ATM yang berpendapatan rendah atau miskin dalam menyediakan tempat kediaman yang kondusif dan selesa diduduki.

Pada tahun ini (2021), Kementerian Pertahanan telah memperuntukkan sejumlah RM2.6 juta dengan sasaran pembinaan sebanyak 28 buah rumah baharu dan baik pulih 72 buah rumah di seluruh negara (dengan jumlah pembahagian sama rata setiap negeri).

Sebagai makluman, skop bantuan bina baharu diperuntukkan kepada Veteran ATM yang tidak memiliki rumah atau mendiami rumah yang terlalu uzur, tidak selamat diduduki dan tidak ekonomi untuk dibaiki serta mempunyai tanah atau tapak sendiri. Manakala, skop bantuan baik pulih pula hanya melibatkan komponen-komponen asas rumah sahaja seperti bumbung, dinding, lantai, tingkap yang tidak melibatkan struktur asas rumah.

Untuk menjawab persoalan YB Hulu Rajang berkenaan bantuan pembinaan rumah baru bagi Veteran ATM di tanah mereka sendiri khususnya Veteran ATM yang berada di Sarawak, ingin saya maklumkan bahawa sebanyak **10** permohonan diterima dan diluluskan melibatkan **6** permohonan baik pulih dan 4 permohonan bina baharu. Daripada jumlah ini, **4** buah rumah telah selesai dibaik pulih dan **2** buah rumah lagi masih dalam peringkat pelaksanaan baik pulih manakala sebanyak **4** Permohonan Bina Baru rumah Veteran ATM di tanah sendiri masih dalam peringkat pelaksanaan dan dijangka siap sepenuhnya pada akhir tahun ini.

Secara keseluruhannya, program ini merupakan satu usaha murni kerajaan bagi menghargai jasa dan penat lelah Veteran ATM yang telah banyak berkorban dan menyumbang bakti kepada tanah air khususnya Veteran ATM dari kelompok kurang berkemampuan dan B40 dengan menawarkan kemudahan kediaman yang selesa dan selamat.

Terima kasih.